

## Mengurus Masyarakat Majmuk Gaya LKY: Satu Sorotan Berdasarkan Buku Lee Kuan Yew *Hard Truth to Keep Singapore Going*

Lutfan Jaes; Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia; [lutfan@uthm.edu.my](mailto:lutfan@uthm.edu.my)  
Zuhaila Anida Zainal Abidin; Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia; [zuhaila@uthm.edu.my](mailto:zuhaila@uthm.edu.my)

**Abstrak –** *Lee Kuan Yew – Hard Truth To Keep Singapore Going* (LKY-HTTKSG) merupakan sebuah buku terbitan *The Straits Times, Singapore Press Holding Limited* (2011). Buku berformat temubual (bersama 7 orang journalist) ini, setebal 458 muka surat, terdiri daripada 11 bab dan 3 bahagian. Di dalam buku ini beliau melontarkan pandangan berani dan berterus terang meliputi aspek realiti geopolitik, kepimpinan dalam parti, survival ekonomi, demokrasi, bahasa, kaum bangsa serta masa depan Singapura. Berdasarkan lontaran jawapan berani dan “ikhlas” beliau, maka kertas kerja ini cuba melihat secara kualitatif bahagian terpenting iaitu berkaitan pengurusan masyarakat majmuk di Singapura. Ini kerana secara umumnya, masyarakat majmuk akan menghasilkan pelbagai tuntutan dan perjuangan khususnya terhadap hak dan ketuanan. Persoalan sensitif ini dilihat berjaya diuruskan Singapura dengan gaya tersendiri Lee Kuan Yew (LKY). Buku ini akan dijadikan kerangka utama perbincangan dan beberapa pendapat LKY di dalam buku lainnya akan digunakan untuk tujuan sokongan. Dalam beberapa keadaan, VCD yang dibekalkan bersama buku ini ditonton untuk melihat perubahan mimik muka, kesungguhan dan nada ucapan jiwanya bagi membenarkan penilaian penulis. Aspek yang akan dilihat ialah latarbelakang masyarakat majmuk Singapura dan pendirian atas LKY, dasar keselamatan, dasar pendidikan dwibahasa, sistem politik, sistem demokrasi, konsep “peluang sama rata,” patriotisme dan pembangunan bangsa Singapura, kepercayaan dan pengurusan agama, ekonomi dan modal insan dan nilai Asia. Di akhir kertas kerja ini adalah diharapkan satu pengkayaan pengetahuan baru berkaitan pengalaman mengurus sebuah masyarakat dan negara khususnya di Asia Tenggara berhasil bagi tujuan rujukan pada masa akan datang.

**Kata kunci** – Lee Kuan Yew; masyarakat majmuk; dasar keselamatan.

### PENGENALAN

Penulisan ini bertitik tolak daripada pembacaan sebuah buku bertajuk *LKY – Hard Truth To Keep Singapore Going* (LKY-HTTKSG) terbitan *The Straits Times, Singapore Press Holding Limited* (2011). Buku berformat temubual Lee Kuan Yew (LKY) bersama 7 orang wartawan ini, menjadi antara buku-buku terakhirnya dan dianggap penulis antara yang paling “ikhlas.” LKY-HTTKSG ditujukan khusus kepada generasi muda Singapura yang selama ini mengenal beliau sebagai Bapa Singapura tetapi dalam masa yang sama melihat beliau sebagai figura mistik. LKY-HTTKSG penting bagi LKY sebagai medium menyampaikan amanat dan ingatan penting “akhir” kepada generasi muda Singapura bagaimana harus membawa negara kecil ini terus kekal dihadapan dengan cabaran dan persaingan yang semakin mencabar arus globalisasi abad 21.

LKY negarawan unggul Asia Tenggara yang berjaya menggerakkan tindakan-tindakan pragmatik dengan nilai dan gaya kepimpinan berkesan demi mencapai visi yang dirancang dalam konteks pembangunan sesebuah negara. Dengan rekod pengalaman politik lebih 60 tahun,<sup>1</sup> tiada siapa yang mampu menandingi pencapaian dan kredibiliti beliau sebagai negarawan<sup>2</sup> di Singapura khususnya dan di Asia Tenggara umumnya. Keupayaan kepimpinannya membawa masyarakat berkembang maju dari satu tahap ke satu tahap yang lain. Membimbing Singapura menjadi negara maju,<sup>3</sup> dalam keadaan Singapura terputus dengan kawasan "pedalaman" nya<sup>4</sup> (Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak) yang selama ini telah membekalkan bahan mentah.

Kertas kerja ini sedaya upaya cuba menyoroti bagaimana pengurusan masyarakat majmuk gaya LKY di Singapura dari beberapa aspek. Buku LKY-HTTKSG akan dijadikan panduan umum dalam membincangkan konteks yang lebih abstrak. Strateginya ialah dengan mengulas segala bentuk pandangan dan tindakan yang beliau lakukan dan mengklasifikasikan semula mengikut pandangan penulis.

## SEJARAH MASYARAKAT MAJMUK DI SINGAPURA

Sejarah latarbelakang masyarakat majmuk di Singapura tidak boleh dipisahkan dengan latar sejarah di Malaysia.<sup>5</sup> Asal usul penduduk keturunan Cina dan India sama ada di Malaysia, Singapura malah di kepulauan Melayu lainnya adalah daripada luar alam Melayu. Generasi awal mereka telah berhijrah ke rantau ini daripada negara asal masing-masing untuk memulakan penghidupan baru di sini. Sebahagian besar mereka datang dengan tujuan untuk mencari rezeki dan mengumpul kekayaan dan selepas itu pulang ke negara asal masing-masing untuk hidup senang di tanah air asal mereka. Victor Purcell (1967) dalam bukunya *The Chinese in Malaya* menyatakan "*in Malaya, their main concern was to make enough to retire to China as soon as possible.*" Malah LKY (1998) juga mencatatkan moyangnya Lee Bok Boon pada tahun 1882 setelah mengumpulkan wang yang cukup telah pulang ke kampung moyangnya di Dapu, wilayah Guang-dong China, membina

---

<sup>1</sup> LKY lahir pada 16 September 1923 dan mula terlibat dengan politik seawal April 1955 sebagai Ahli Parlimen Tanjung Pagar di bawah tiket *People's Action Party* (PAP). Seterusnya menjadi Perdana Menteri Singapura Pertama (5 Jun 1959 – 28 November 1990), Menteri Senior (28 November 1990 – 12 Ogos 2004) dan Menteri Mentor (12 Ogos 2004 – 21 May 2011).

<sup>2</sup> Penulis berpendapat Tun Mahathir dari Malaysia dan Presiden Suharto daripada Indonesia sahaja yang mampu menyainginya.

<sup>3</sup> Sila baca lanjut : - Lee, K. Y. (2000). *From Third World To First- The Singapore Story : 1965-2000 Memoirs of Lee Kuan Yew*. Singapore : Marshall Cavendish Edition.

<sup>4</sup> Pada 9 Ogos 1965, Parlimen Malaysia secara rasmi mengeluarkan Singapura daripada menjadi sebahagian daripada Malaysia. Singapura muncul menjadi sebuah republik yang merdeka dan berdaulat.

<sup>5</sup> Singapura dikenali sebagai Temasik sebelum 1819 dan merupakan sebahagian daripada empayar Johor Riau. Penyertaannya di dalam Persekutuan Malaysia dilihat sebagai mengembalikan wilayah Johor yang dirampas Inggeris melalui tipu helah.

sebuah rumah yang besar untuk dirinya dan memperlihatkan dirinya sebagai seorang bangsawan tempatan (seorang pegawai Qing Gred 7).

Bagaimanapun penguasaan Inggeris ke atas Pulau Pinang mulai 1786 dan ke atas Singapura pada 1819<sup>6</sup> telah mengubah senario penghijrahan orang Cina dan India ke Tanah Melayu. Matlamat Inggeris membawa pendatang asing China dan India, khususnya China ke penempatan baru di kedua-dua wilayah itu supaya kerajinan mereka bekerja memberikan keuntungan ekonomi kepada kuasa Eropah itu. Mereka tidak begitu memperdulikan penduduk asal Tanah Melayu yang dibiarkan meneruskan kehidupan mereka di kampung-kampung. Tetapi tidak halnya dengan bangsa Cina itu (Chamil Wariaya, 2010).

Akibatnya pada 1941 iaitu selepas 155 tahun kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu bermula dengan penguasaan ke atas Pulau Pinang, jumlah penduduk bukan Melayu hampir menyamai penduduk pribumi. Tanah Melayu tidak lagi menjadi hegemoni Melayu yang dihuni oleh 100% orang Melayu seperti sebelum kedatangan kuasa Eropah pada 1511. Menurut satu tinjauan pada 1930an, bilangan bukan Melayu mengatasi jumlah orang Melayu itu sendiri. Di Pulau Pinang pada 1786 tidak terdapat seorang pun orang China tetapi pada 1941, jumlahnya ialah 166,974. Di Singapura pada 1819 jumlahnya adalah sifar tetapi pada 1941, bilangannya ialah hampir 600,000 orang. Sehingga buku ini ditulis, komposisi penduduk Singapura mencatatkan 74% etnik Cina, 13% etnik Melayu dan selebihnya India dan lain-lain (Chamil Wariaya, 2010).

## PENDIRIAN ASAS LEE KUAN YEW DALAM MENGURUS MASYARAKAT MAJMUK

Adalah penting untuk memahami asas pendirian LKY terhadap masyarakat majmuk sebelum melihat gaya pengurusannya. Kegagalan melihat pendirian asasnya akan menggagalkan kefahaman pembaca memahami asas setiap keputusan dan tindakannya. Asas pendirian politik beliau dikenalpasti seawal tindakannya ketika Singapura masih berada di dalam lingkungan Persekutuan Malaysia 1963. Perbezaan-perbezaan asas dari segi ideologi dalam membangunkan negara antara LKY dan Perdana Menteri Malaysia Tunku Abdul Rahman akhirnya membawa kepada penyingkiran Singapura daripada Persekutuan Malaysia dan menjadi negara sendiri yang bebas merdeka serta berdaulat seperti Malaysia. Dalam LKY-HTTKSG menegaskan,

*My fundamental belief is that whatever your background, you should have an equal chance in life, in education, in health, in nutrition. So you may not be as well-fed with all the meat and*

<sup>6</sup> Di sebalik masalah yang dihadapi oleh Singapura berkembang pesat kerana statusnya sebagai sebuah pelabuhan bebas. Status Singapura sebagai hak milik British termeterai dengan Perjanjian Inggeris-Belanda 1824.

*vitamins as a wealthier person, but you should have enough to make sure that you're not stunted, so you can perform and achieve your best in life. That's the only way a society can grow. I am against a society which has no sense of nurturing its best to rise to the top. I'm against a feudal society where your birth decides where you stay in the pecking order (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

LKY dalam 2 jilid memoirnya iaitu *The Singapore Storey : Memoirs of LKY* (1998) dan *From Third World To First – The Singapore Storey: 1965-2000* (2000) menjelaskan dengan panjang lebar tentang pembangunan tamadun dan bangsa di Singapura. Memetik kata beliau,

*There are books to teach you how to build a house, how to repaire engines, how to wright book. But I have not seen a book on how to build a nation out of a disparate collection of immigrants from China, British India and Dutch East Indies, or how to make a living for its people when its former economics role as entrepot of the region is becoming defunct (LKY, 2000)*

Asas-asas pendirian LKY dalam konteks masyarakat majmuk juga boleh dilihat dalam beberapa teks ucapannya. Beliau melihat hagemoni politik dan pemerintahan Melayu sebagai sesuatu yang bersifat perkauman dan tidak adil. LKY melihat keadilan dalam konteks "persaingan sempurna" antara semua kaum. Beliau gagal untuk memahami atau mungkin sahaja tidak mahu memahami konsep Ketuanan Pemerintahan Raja-Raja Melayu yang sudah terasas seawal kurun ke 2 Masihi. Beliau juga gagal untuk memahami bahawa sesetengah kaum perlu diberikan "bantuan" kerana sudah begitu lama ditinggalkan di belakang dalam arus pembangunan penjajahan.

Peranan, kewujudan, usaha dan sumbangan beliau, bapa (Lee Chin Koon) serta datuknya (Lee Hoon Leog) di Singapura memberikan beliau "rasa" dan "makna" bahawa tiada bezanya beliau dengan kaum lain khususnya orang Melayu. Ia jelas ditunjukkan dalam catatan memoirnya selepas Singapura di keluarkan dari Persekutuan Malaysia seperti berikut,

Saya dibebani rasa bersalah yang amat sangat. Saya berasa bahawa saya telah mengecewakan beberapa juta orang di Malaysia: pendatang Cina dan India, orang Serani, malah sebahagian orang Melayu. Saya telah menyemarakkan harapan mereka dan mereka telah menyertai orang-orang di Singapura dalam menentang hagemoni Melayu, punca perselisihan kami. Saya malu telah membriarkan sekutu-sekutu dan penyokong kami terpaksa membela nasib mereka sendiri, termasuk pemimpin parti dari negeri-negeri lain di Malaysia – Sabah, Sarawak, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan (LKY, 1998)

Perjuangan beliau terhadap konsep "sama rata" adalah konsisten. Platform paling berkesan untuk beliau meluahkan perkara ini semestinya di Parlimen Persekutuan Malaysia pada ketika itu,

Saya menggariskan perbezaan antara persamaan politik dan hak-hak istimewa bagi peningkatan ekonomi serta sosial untuk orang Melayu. Saya menerima hak-hak istimewa, tetapi jika rakyat Malaysia yang lain dinafikan persamaan politik dengan orang Melayu, kita tidak akan perlukan Sukarno dan Konfrontasi untuk menghapuskan kita. Sebaik-baik sahaja anda melempar perlumbaan ini ke dalam api dan anda berkata "jangan pedulikannya", ia bererti anda melakukannya untuk masa yang panjang dan sejarah merupakan satu proses yang panjang dan tidak mengenal belas kasihan (LKY, 1998)

Kehebatan beliau selama ini sebagai peguam berpengalaman mewakili banyak kesatuan-kesatuan sekerja dimanfaatkan sepenuhnya. Malah keberanian beliau dalam menangani masalah anasir komunis di Singapura khususnya sama ada di dalam mahupun diluar parti (PAP) dianggap sebagai sumbangan yang besar kepada British, Malaya dan juga seluruh rantau "Asia" Tenggara. Dalam satu ucapan terakhirnya di Parlimen Malaysia sebelum Singapura di singkirkan,

Jika kita mengelirukan rakyat untuk mempercayai bahawa mereka miskin kerana tiada terdapat hak-hak istimewa orang Melayu atau kerana anggota pembangkang menentang hak-hak orang Melayu, apakah yang akan berlaku kepada kita akhirnya? Anda membuat orang-orang kampung percaya bahawa mereka miskin kerana tidak bertutur dalam bahasa Melayu, kerana kerajaan tidak menulis dalam bahasa Melayu, jadi mereka mengharapkan satu keajaiban akan berlaku pada tahun 1967 (apabila bahasa Melayu menjadi bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal). Sebaik-baik sahaja kita semua mula bertutur bahasa Melayu, mereka akan menikmati taraf hidup lebih tinggi, dan jika tidak berlaku apakah jadinya nanti?....Sementara itu, apabila sahaja terdapat kegagalan dalam dasar-dasar ekonomi, sosial dan pendidikan, anda menoleh dan berkata , oh orang-orang Cina yang jahat ini, orang India dan orang-orang lain telah menentang hak-hak orang Melayu. Mereka tidak menentang hak-hak orang Melayu. Mereka, orang-orang Melayu, mempunyai hak sebagai rakyat Malaysia untuk mendaki ke paras yang lebih tinggi dalam latihan serta pendidikan yang telah melahirkan masyarakat bukan Melayu yang lebih berdaya saing. Bukankah ini yang sepatutnya dilakukan? Bukan dengan menyogok mereka dengan doktrin-doktrin kabur bahawa apa yang mereka perlu lakukan ialah dengan mendapatkan hak-hak bagi segelintir orang Melayu istimewa dan dengan itu segala masalah mereka akan terhurai...." (LKY, 1998)

## LEE KUAN YEW DAN DASAR KESELAMATAN

Kunci utama kepada apa juga tindakan dan pengurusan negara dan masyarakat majmuk di Singapura terletak kepada pertimbangan faktor keselamatan khususnya berkaitan aspek geopolitik dan kekuatan pertahanan. Singapura tidak boleh mempunyai ruang untuk membuat sebarang kesilapan. Faktor ini telah dipertimbangkan oleh LKY seawal wujudnya Singapura yang merdeka itu sendiri.

Singapura sebuah pulau kecil seluas 214 batu persegi<sup>7</sup> pada waktu air surut. Ia telah berkembang maju kerana merupakan jantung Empayar British di Asia Tenggara; dengan

---

<sup>7</sup> membesar kepada 271.8 batu persegi pada masa kini dengan menjalankan projek guna tebus tanah yang diperolehi dari bukit bukau, dasar laut dan negara jiran. Dalam hal ini LKY menyatakan "*We just want maximum space to be ourselves*" (Han Fook Kwang & Rakan, 2011).

perpisahan, ia menjadi sebuah jantung tanpa tubuh. 75% penduduk kami yang seramai dua juta adalah orang Cina, segolongan minoriti yang sangat kecil dalam gugusan 30,000 buah pulau yang diduduki lebih daripada 100 juta orang Melayu atau orang Islam Indonesia. Bagaimana kami boleh menakat dalam sekitaran yang bersikap bermusuhan itu?" (LKY, 1998)

*My purpose is to secure Singapore's future and anything that consolidates or increases the stability and security for Singapore. No' I've finished my work. I don't need more achievement for Singapore* (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)

Faktor keselamatan yang terkait dengan geopolitik ini mendatangkan "ancaman kerapuhan" kesan daripada permusuhan serantau khususnya di antara Malaysia dan Indonesia seperti pada pandangan beliau.

Tidak terdapat kesangsian mengenai sikap bermusuhan itu. Untuk menambah kepada masalah kami, Indonesia telah melancarkan "Konfrontasi" agresif terhadap Malaysia apabila persekutuan itu mula wujud dalam bulan September 1963, satu perperangan peringkat rendah yang merangkumi juga pemulauan ekonomi, tindakan keganasan dengan komando meresap masuk ke Singapura untuk meletupkan bom dan pencerobohan tentera melibatkan penyeludupan askar payung terjun di Johor. Orang Cina di Malaya dan Singapura mengetahui bahawa pemerintah Indonesia bahkan menentang tiga juta orang penduduk kaum Cinanya sendiri di Indonesia (LKY, 1998)

Pengalaman-pengalaman di atas menyebabkan LKY merasa begitu terancam dan terkepung. Malah di awal bab buku LKY-HTTKSG ini beliau menyatakan,

*If we are not vulnerable, why do we spend 5 to 6% of GDP year after year on defence? Are we mad?* (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)

Seterusnya "ancaman kerapuhan" ini mendatangkan "sangka buruk" LKY dengan katanya,

*We have not got neighbours who want to help us prosper. When we prospered, they for many years believed we were living off their resource. It was only when they became aware that our economic policy of welcoming foreign investments made the difference that they were sufficiently convinced to also do likewise* (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)

Justeru itu LKY menyatakan bahawa pentingnya Singapura terus mengekalkan sistem yang kukuh (*strong system*) meliputi aspek ketenteraan, politik, ekonomi, sosial dan perpaduan bangsa.

*We are in upstart in this region because we survive for so long and I believe we can survive easily another 50-100 years given the international environment, provided we have strong system that enables us to maximise our chances* (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)

Sistem yang kukuh ini perlu saling bekerjasama antara satu sama lain. Sebagai contoh; untuk membina kekuatan ekonomi, Singapura memerlukan kekuatan pertahanan dan untuk membina kekuatan pertahanan maka Singapura perlukan kekuatan masyarakatnya. Untuk membina kekuatan masyarakatnya, Singapura memerlukan ramai rakyat berbakat dan rakyat yang seperti ini hanya mampu dilahirkan melalui satu fomular gaya Asia Timur yang tersendiri. LKY turut menyatakan dalam LKY-HTTKS bahawa ketakutan utama (*greatest fear*) bagi Singapura ialah pemimpin dan kepimpinan, rakyat yang mudah lupa sejarah dan kegagalan untuk memahami masalah yang sedang dihadapi.

## **LEE KUAN YEW DAN DASAR PENDIDIKAN DWIBAHASA**

LKY di awal kemerdekaan Singapura telah melihat ancaman perkauman Cina dari sekolah-sekolah Cina kepada perkembangan keharmonian kaum dan kestabilan. Oleh sebab jumlah besar penduduk Singapura orang Cina maka cabaran besar yang pertama sekali dihadapi ialah dari generasi muda yang berpendidikan Cina dan dibudayakan oleh Bahasa Cina. Alasan LKY dalam LKY-HTTKSG berkenaan perihal ini sangat berasas dalam konteks Singapura malah tetap konsisten bersulamkan elemen keselamatan dan kestabilan seperti berikut,

*My reasons were quite simple. First, internal stability. Everybody on an equal basis: we all have to learn English, a foreign language. Nobody gets an advantage. Second it's the language of the international commerce. Chinese? What was Chinese products, medicine, herbs were piffling. Then English blossomed and America spread it on TV and now Internet around the world. We have become an education centre. The rest of Asean wants to learn English. That's an advantage for us. What motivated me? Internal stability and peace. We treat everybody equally. We judge you on your merits. This is a level playing field. We do not discriminate our people on race, language, religion. If you can perform, you get the job (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

Sehubungan dengan itu, dasar pendidikan dwibahasa merupakan agen penyatuan dan sosialisasi masyarakat Singapura sejak tahun 1966. Ia menjadi semakin penting setelah timbulnya Laporan Goh pada tahun 1978 yang mewajibkan pembelajaran bahasa kedua iaitu bahasa Melayu, Cina dan Tamil bagi semua peringkat. Bahkan kelulusan dalam bahasa kedua dijadikan satu syarat kemasukan ke universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi. Ini bermakna pelajar yang tidak lulus dalam bahasa kedua tidak layak masuk ke universiti walaupun mereka lulus dengan cemerlang dalam mata pelajaran yang lain (Rasdi, 2005). LKY juga kerap menyatakan Singapura selamanya bukan *copy paste* Malaysia atau Indonesia atau China atau India tetapi Singapura harus mempunyai identiti nilai-nilai Asia (yang diwarisi dari leluhur masing). Ini menjadi alasan mengapa beliau "memaksakan" bahasa leluhur sebagai bahasa kedua bagi setiap rakyatnya. Beliau percaya bahawa "bahasa memindah nilai." Mempelajari bahasa kedua akan menyerapkan akal budi nilai Asia.

Dalam hal ini Pakir (1994) menjelaskan, konsep kedwibahasaan di Singapura didapati unik. Dalam dasar pendidikan Singapura, kedwibahasaan ditakrifkan sebagai bukan mahir menguasai 2 bahasa tetapi menguasai bahasa Inggeris dan salah satu daripada bahasa rasmi (Melayu, Cina atau Tamil). Oleh itu, menguasai Bahasa Inggeris dan Hokkien contohnya, belum lagi dianggap sebagai menguasai dwibahasa kerana Hokkien hanya bertaraf dialek. Justeru itu di sekolah, pembelajaran bahasa ibunda dan bahasa Inggeris diwajibkan bagi semua murid tidak kira daripada golongan etnik apa pun asal mereka (Kamsiah Abdullah, 1994). Dalam erti kata yang lain, LKY berjaya menjadikan satu bahasa (Bahasa Inggeris) sebagai penyatu kepada masyarakatnya. Pelaksanaan dwibahasa yang diamalkan di Singapura adalah hanya bagi tujuan jati diri kesempurnaan dan perniagaan,

*English will be our working language, and you keep your mother tough. It may not be as good as your English but if you need to do business with China or India or Malaysia or Indonesia you can ramp it up (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

Tan Sri Zainudin Maidin<sup>8</sup> (2012) menulis, LKY dengan berani, tegas dan menggunakan tangan besinya memerangi pejuang-pejuang pendidikan Cina dan menutup sekolah-sekolah Cina, Tamil dan Melayu dan menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar utama yang akhirnya menjadi alat paling berkesan bagi kecairan perkauman Cina. Dalam 1987, Bahasa Inggeris menjadi bahasa penghantar tunggal sekolah Singapura. Dalam masa 3 dekad (1960-1980) Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah pengantar bahasa Cina tidak wujud lagi di Singapura. Dalam 1980, Universiti Nanyang dipaksa bergabung dengan Universiti Singapura untuk menjadi National University of Singapore. LKY berjaya melahirkan rakyat Cina yang berfikiran Singapura atau Singapura yang tidak kecinaan berbanding dengan aliran pemikiran Cina Malaysia yang mewujudkan suasana yang memaksa kepimpinan politik Cina untuk mencari populariti menerusi isu perkauman Cina.

## LEE KUAN YEW DAN INOVASI SISTEM POLITIK DI SINGAPURA

Sistem politik di Singapura tidak pernah kekal sama sejak 50 tahun yang dahulu. Pemimpin politik di Singapura peka dengan persekitaran yang menuntut perubahan kepada sistem politiknya sesuai dengan kehendak dan selera rakyat.

*During my time, I progressively adjusted to the changing mood of the country. The Non-Constituency MPs was my creation. The nominated MPs was the creation of Goh Chok Tong. The latest amendment being proposed is the thinking of Lee Hsien Loong and his younger ministers (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

---

<sup>8</sup> Merupakan Karyawan Tamu kepada Institut Pemikiran Tun Mahathir UUM.

Walau bagaimanapun asas demokrasi yang memerlukan pemimpin dipilih oleh rakyat tetap dikekalkan. Ia kekal sebagai asas acuan tetapi kaedah dan pelaksanaannya sentiasa dengan gaya tersendiri dan berubah-ubah serta berinovasi sesuai dengan zamannya.

*We started out with British-made constitution and we had to amend it in several respect to suit ourselves. The key features we have kept are first, separation between the bureaucracy and Parliament and the political leadership. Second, every five years, there's a free vote. So if any party comes in, it will find itself with a functioning system (Han Fook Kwang dan Rakan, 2011)*

## LEE KUAN YEW DAN DEMOKRASI TERPIMPIN DI SINGAPURA

LKY menolak demokarsi liberal Barat untuk di amalkan di Singapura. Ia tidak akan sesuai untuk masyarakat Asia khususnya di negara yang mempunyai pelbagai etnik serta memerlukan pengurusan nilai keselamatan yang tinggi. Ini jelas melalui pengalaman LKY sendiri membesar sewaktu kecil, keterlibatan beliau dengan aktiviti-aktiviti sosialis dan politik semasa muda dan kemudiannya menjadi pemimpin Singapura di dalam dan di luar Malaysia. Pengalaman-pengalaman ini hanya menjadikan beliau seorang yang lebih realistik dan pragmatik dalam mengurus masyarakatnya serta tidak meyakini apa-apa juga ideologi Barat secara total.

Dalam hal ini juga LKY bersetuju dengan Samuel Huntington<sup>9</sup> yang menyatakan bahawa sesetengah budaya tidak boleh menerima demokrasi dengan baik. Di dalam masa yang sama, orang Asia dan orang Islam pula menekankan tentang keunggulan budaya mereka berbanding dengan budaya Barat. Sebaliknya orang daripada tamadun yang lain-lain seperti Hindu, Ortodoks, Amerika Latin, Afrika – mungkin menonjolkan ciri budaya mereka yang tersendiri, tetapi sejak pertengahan tahun 1990 an, mereka agak keberatan untuk mengakui keunggulan budaya mereka berbanding dengan budaya Barat. Asia dan Islam sahajalah, secara bersendirian dan kadang-kadangnya secara bersama semakin berani mengakui keunggulan mereka itu berbanding dengan Barat (Hungtington, 2008).

Dalam LKY-HTTKSG beliau menegaskan,

*If liberal democracy is so superior it will take over the world just like the market economy... (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

Oleh yang demikian pada pendapat LKY, demokrasi harus disesuaikan dengan akal budi dan budaya rakyat di Asia khususnya di Singapura. Beliau menyatakan,

---

<sup>9</sup> Samuel P. Huntington merupakan ahli sains politik Barat tersohor (meninggal dunia pada Disember 2008) dan mengemukakan satu kerangka mencabar bagi memahami realiti politik global untuk kurun ke 21. Karya beliau *The Clash of Civilisations and the Remaking of World Order* merupakan salah sebuah buku paling penting semenjak tamatnya perang Dingin.

*Well, they were hammering us for not following their prescription of what a democracy should be: their liberal democracy in America. So I answered, there are many form of democracy. We create a constitutional framework which suits us, the needs of our people and their basic values. I was talking of the Confucianist societies (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

### **LEE KUAN YEW DAN KONSEP "PELUANG SAMA RATA"**

Inilah elemen yang mungkin menjadi rahsia kejayaan masyarakat di Singapura selama ini. LKY menegaskan,

*The basic ones: upholding of multiracialism, equality of opportunity, not equality of rewards but equality of opportunity in education, housing, health and so on. And a system based on meritocracy. That's the basis on which we have had intercommunal harmony and interreligious tolerance (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

Namun elemen ini jugalah yang menjadi perbalahan utama di parlimen Persekutuan Malaysia ketika Singapura masih berada di dalam Malaysia. LKY ketika di dalam parlimen Malaysia berhujah,

Bagaimakah orang Melayu di kampung dapat bertapak dalam masyarakat yang berperadaban moden ini? Dengan menjadi orang suruhan kepada 0.3% orang yang mempunyai wang untuk menggaji mereka bagi membersihkan kasut dan pintu kereta mereka?...Memang ada jutawan Cina dengan kereta dan rumah besar. Apakah dengan mewujudkan segelintir jutawan Melayu dengan kereta besar dan rumah besar merupakan jawapannya? Bagaimakah dengan memberitahu seorang pemandu bas Melayu bahawa beliau harus menyokong parti pengarah Melayunya (UMNO) dan konduktor bas Cina untuk menyertai parti lain yang dianggotai pengarah Cinanya (MCA) – bagaimana ini dapat membaiki taraf hidup pemandu bas Melayu dan konduktor bas Cina yang kedua-duanya pekerja dalam syarikat yang sama? (LKY, 1998)

Oleh yang demikian dalam dalam memoirnya LKY menyatakan,

Secara bersama kami telah menujuhkan Konvensyen Perpaduan Malaysia yang telah mengadakan pertemuan dan menyelaras kegiatan-kegiatan kami bagi menggerak rakyat untuk menyokong sebuah masyarakat bukan perkauman. Kami telah memutuskan untuk mewujudkan satu perikatan luas yang boleh mendesak kerajaan Perikatan di Kuala Lumpur untuk mewujudkan sebuah *Malaysian Malaysia* (Malaysia bagi rakyat Malaysia), bukan sebuah *Malay Malaysia* (Malaysia bagi orang Melayu) – ini bukan satu perkara yang mudah memandangkan parti perikatan yang memerintah sendiri dikuasai oleh parti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pimpinan Tunku (LKY, 1998)

LKY tidak percaya dengan konsep subsidi. Subsidi<sup>10</sup> hanya akan memusnahkan kerajaan. Apa yang penting ialah usaha ke arah meningkatkan pendapatan rakyat. Caranya ialah dengan memberikan sejumlah gaji dan bonus yang besar. Selain

<sup>10</sup> Subsidi yang dimaksudkan ialah subsidi yang bersifat hangus seperti subsidi keperluan barang isi rumah, petrol dan sebagainya. Namun begitu kerajaan Singapura memberikan subsidi yang besar untuk barang kekal untuk aset seperti pembelian perumahan.

daripada itu kerajaan melibatkan rakyat dengan saham-saham syarikat yang diperbadankan oleh kerajaan. Ini juga akan menerbitkan rasa kebersamaan rakyat dan kerajaan. Walau bagaimanapun rakyat Singapura diberikan satu *mind-set* bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada masa akan datang tidak semestinya bagus. Seperti kata LKY,

*...so is up to you how to spend and manipulate your salary. Cause there no guarantee for next year the price will go up or go down. We always give good salary not to spend but for your retirement*

*What country in the world upgrades your property and increases your net worth? But we do it Why? That our political compass. Give every man or woman an asset (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

LKY mendakwa bahawa “konsep sama rata” jauh lebih baik daripada konsep *equal society* yang dianuti dan diimpikan oleh masyarakat komunis. Dakwaan beliau ini bertitik tolak dari pesepsi beliau terhadap pengukuhan pencapaian prestasi kaum Melayu di Singapura yang bertambah baik tetapi tidak mampu menyaingi kaum-kaum yang lain. Hujah beliau,

*.... I told the Malay leaders they will never close the gap with the Indian and the Chinese, because as they improve, the others also improve. So the gap remains. They are improving but they are not closing the gap. That's fact of life. Sidek (Saniff) finally accepted that. He never believed it. When he came in he was president of the Malay Teachers Union. So we brought him in. I said I'd put you in education, you just see it .....*

*Do you think you can create an equal society, as the communist believed? After a while they stop believing in it (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

LKY dalam Tom Plate (2010) menyamakan nasib kaum Melayu seperti kaum Uighurs di Xinjiang China. Mereka telah diberikan ruang dan peluang yang sama rata tetapi masih gagal untuk bersaing dan akhirnya ditolak dalam arus perdana yang kuat. Malah LKY juga mendakwa kalaupun kaum Melayu di Singapura itu semakin bagus, mempunyai rumah sendiri, menerima pendidikan tinggi dan bekerja profesional di pelbagai lapangan, hanyalah kerana mereka menerima tekanan dari jiran-jiran mereka yang telah menunjukkan sesuatu yang lebih baik.

## **LEE KUAN YEW, PATRIOTISME DAN PEMBANGUNAN NEGARA BANGSA SINGAPURA<sup>11</sup>**

Undang-undang Singapura mewajibkan warganegara lelaki dan penduduk tetap (generasi kedua) berumur 18 tahun atau yang telah menghabiskan pengajiannya menjalani Khidmat Negara (*National Service*) selama 2 tahun. Selepas menjalani

---

<sup>11</sup> Aspek ini dinilai dibantu menggunakan rakaman VCD yang dibekalkan pada buku LKY-HTTSG.

perkhidmatan selama 2 tahun, mereka dianggap sedia beroperasi dan menunaikan tanggungjawab sebagai perajurit simpanan sehingga usia 40 tahun dan 50 tahun untuk pegawai yang bertauliah. Ini sesuatu polisi tindakan yang amat positif dalam masyarakat Singapura bagi tujuan keselamatan menyeluruh dan meningkatkan semangat patriotisme di kalangan warganya. Tindakan ini juga dilhat sangat rasional bagi sebuah negara pulau yang kecil dan "terkepung" di rantau Melayu-Indonesia. Namun dengan keadaan tersebut belum menjanjikan "siap siaga" serta jaminan menyeluruh dan perancangan berkesan bagi pembangunan bangsa Singapura berkesan. Masalah ini ditambah lagi dengan kadar kelahiran warga yang sentiasa rendah dan kebanjiran warga luar bagi menampung nisbah ganti lahir yang rendah.

"Adakah kita selamanya akan bergantung kepada orang luar?" LKY menghadapi saat-saat sukar untuk menjawab soalan ini dalam LKY-HTTKSG. Singapura mempunyai begitu ramai tenaga kerja asing bagi menggantikan nisbah kesuburan Singapura yang semakin berkurangan. Hingga satu tahap beliau menyoal semula para wartawan; "Apakah pilihan yang kita ada?" LKY pada mulanya mendefinisikan tentang patriotisme dan pembangunan negara bangsa sebagai sifat kerjasama antara rakyatnya dan kesediaan rakyat untuk mati demi Singapura. LKY juga menyatakan bahawa pentingnya rakyat Singapura mengetahui bahasa kedua kerana Singapura tidak membina bangsa baru tetapi membina perlambangan sedia ada dengan identiti asal masing-masing<sup>12</sup> kerana tanpa perlambangan tersebut masyarakat Singapura akan menjadi sukar. Menurut LKY, masyarakat Singapura harus mencari sikap dan gaya sendiri. LKY sekali lagi berhujah "*adakah orang cina di negara Cina sama seperti kita? Adakah orang india di India sama dengan kita malah adakah orang melayu di Malaysia sama seperti kita? Tidak!!!*" Beliau pantas menyatakan dalam keadaan sekarang masyarakat Singapura lebih mudah kehilangan sesuatu daripada apa yang didapati sebelum ini. Oleh yang demikian beliau menegaskan orang muda dan ahli politik muda harus berjuang mempertahankan sesuatu yang sudah berada di dalam tangan daripada terlepas. Dalam hal ini beliau sangat menekankan tentang "ancaman" dari negara-negara jiran selalu menggunakan pengalaman latar sejarahnya sebagai contoh.

Namun apabila tiba pada realitinya (sambil meneguk air) beliau mengajukkan muka (sambil mengeleng kepala) sebagai tanda bahawa jawapan itu seperti terlalu hipokrit sifatnya. Akhirnya beliau memberikan jawapan "ikhlas" berikut,

---

<sup>12</sup> Asal usul Melayu, Cina dan India.

*The problem for the government is: how do you keep a society united when that lower layer can never catch up?<sup>13</sup> (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

*So what we are doing is not give welfare, but we give a goof education and capital gain. You decide whether you'll spend it or you build on it .....What do we give them? A house. You haven't got enough money? Give you a subsidy of up to \$80,000 to buy a house. Top up your CPF. Give your bonus shares.....You want free bus fares? No. You have trouble? Here I give you this cash or assets. You decide what you will do.....We have created a property-owning democracy, that's why we have stability in Singapore. You want people to defend this country, you must give them a stake. They are not going to defend this country for Far East Properties or Hong Leong or whoever. You own this home. You will fight for your family and yourself (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

Yang menarik dan mengejutkan ialah, LKY boleh menerima masyarakatnya di kalangan homoseksual.<sup>14</sup> Beliau tidak melihat ia sebagai satu kepincangan atau penyakit dalam masyarakat tetapi sebagai perbezaan genetik semata-mata. Menurutnya masyarakat harus menerima golongan ini.

*No, it's not a lifestyle. You can read the books you want, all the articles. There's a genetic difference, so it's not matter of choice. They are born that way and that's that So if two men or two women are that way, just leave them alone (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

LKY menggunakan asas logik dan realistik dalam membina semangat patriotisme dan membangunkan negara bangsa Singapura. Selain usaha praktikal seperti Khidmat Negara, LKY juga menggunakan kaedah ancaman serta rasa takut dan "kiasu"<sup>15</sup> takut gagal. Rakyat dibentuk sebagai *little capitalist* sebagai ganti rasa cinta pada negara. Apapun LKY sering berkata,

*Singapore and multiracial meritocracy, not a Malay nation, not a Chinese nation, not Indian nation but a place where everybody will have his place : equal; language, culture, religion (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

## **LEE KUAN YEW, KEPERCAYAAN DAN PENGURUSAN AGAMA MASYARAKAT SINGAPURA**

Tuhan memainkan peranan yang sangat kecil dalam kehidupan LKY. Kepercayaan dan iktikad<sup>16</sup> beliau menjadi titik tolak dalam pengurusan dan pandangannya

<sup>13</sup> Penulis berpendapat bahawa *lower layer* yang dimaksudkan oleh LKY ialah kaum Melayu di Singapura. Ini sesuai dengan pendapatnya di dalam buku Tom Plate (2010; hal 179) menyatakan "*In Singapore, that underclass used to be large numbers of Malays who do not do well in school especially in mathematics and Science. But we've to give everybody a chance to make a living.*"

<sup>14</sup> Walau bagaimanapun undang-undang Singapura masih mlarang perbuatan homoseksual di dalam peruntukan seksen 377A yang mlarang hubungan seks sejenis. Namun begitu perdebatan mengenainya sudah dimulakan di Parlimen Singapura sejak tahun 2007.

<sup>15</sup> satu istilah popular masyarakat Hokkien yang memberi maksud takut gagal, takut kalah atau ketakutan terhadap kehilangan (fear of loosing) yang boleh dibincangkan lanjut dalam konteks positif maupun negatif.

<sup>16</sup> Kepercayaan dan keyakinan di dalam hati (terutamanya dalam hal-hal agama).

terhadap amalan beragama di Singapura. Dalam hal ini penulis membuat kesimpulan bahawa LKY menganut fahaman Agnostisme (Agnosticism). Agnostisme adalah pandangan bahawa nilai-nilai kebenaran tentang kewujudan tuhan atau dewa atau agama atau apa juga yang bersifat metafizik tidak mampu diketahui. Agnostisime boleh ditakrifkan dalam pelbagai cara dan kadang kala digunakan untuk menunjukkan keraguan atau pendekatan yang ragu-ragu kepada soalan-soalan. Dalam beberapa hal, agnostisme adalah pendirian tentang perbezaan di antara kepercayaan (spiritual) dan pengetahuan (nyata). Dalam erti kata yang popular, agnostik adalah orang yang belum membuat keputusan mengenai kewujudan tuhan atau dewa-dewa. Agnostisme berpendapat bahawa akal manusia tidak mampu memberikan alasan yang rasional dan mencukupi untuk menjustifikasi kepercayaan bahawa tuhan dan dewa-dewa sama ada atau tidak wujud (Ronald, 2005). Perkara ini dapat dikesan dalam LKY-HTTKSG seperti berikut,

*To get my children or me to believe that if you go and pray at his grave, you will get an inspiration, the world will be kinder to you, I don't believe that all" (he said one evening about visiting his grandfather's tomb)*

*I don't believed feng shui and astrology. Its rubbish!! (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

LKY yakin dengan *defensive mechanisms* (mekanisme pertahanan) yang dibina sendiri disepanjang kehidupannya. Beliau percaya *defensive mechanisms* inilah yang menentukan jatuh bangun kehidupannya di dunia mahupun di "akhirat" kelak.<sup>17</sup> Kejayaan beliau menangani semua krisis dalam hidupnya menyebabkan beliau sangat yakin dan kekal dengan kepercayaan Agnostisme nya.

*I've survived all kinds of crisis. There must be something in me which helps me bounce back. I don't need to believe in the supernatural to bounce back (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

Walau bagaimanapun sebagai seorang Agnostis dan bukannya Ateis, LKY mengaku (*conceded*) tentang kepentingan beragama untuk masyarakat sebagai perkara yang memberikan ketenangan jiwa dan fikiran.<sup>18</sup> Dalam hal ini LKY melihat agama sebagai *moral anchor* (sauh moral) kepada 85% daripada rakyatnya yang beragama. Di sinilah titik mula pengurusan agama di Singapura. Oleh yang demikian 85% penduduknya yang beragama dianggap mempunyai "sauh moral" (*moral anchor*) yang meyakinkan sebagai panduan hidup.

LKY menggunakan batas-batas realistik dan logiknya dalam mengurus tuntutan daripada pelbagai pihak agamawan sama ada Islam, Kristian ataupun Budhha. LKY

<sup>17</sup> Dengan kata lain penulis berpendapat andai kata selepas mati nanti LKY berada di syurga atau di neraka, beliau yakin untuk mengatasinya dengan *defensive mechanisms* yang ada pada dirinya.

<sup>18</sup> Ini berdasarkan kepada banyak pengalamannya terutamanya di kalangan rakan Kristian sama ada dalam menjalani kehidupan seharian dan menghadapi musibah atau kematian.

seperti mana pemimpin sekular yang lainnya melihat agama dan urusan governan dunia tidak boleh bersatu dan perlukan pengkhususannya tersendiri. LKY berpendapat bahawa bahawa agama perlu dipisahkan dengan politik dan urusan dunia lainnya.<sup>19</sup> Oleh yang demikian LKY menyatakan pentingnya Singapura terdiri daripada masyarakat dengan bercirikan agama *moderate* (sederhana) dan perlu dikekalkan sehingga bila-bila. Sehubungan dengan itu beliau serta kabinetnya menolak desakan-desakan khususnya daripada pihak gereja Kristian dan Budhha khususnya dalam isu pembinaan kasino dan tempat-tempat perjudian di Singapura.

Sehubungan dengan itu LKY tidak ada masalah dengan menyerahkan pengurusan agama di Singapura kepada kementerian dan jabatan bertanggungjawab dengan sejumlah peruntukan munasabah sebagai sebuah negara sekularisme meritokrasi berbilang bangsa. LKY “mengikat” kerukunan antara agama ini dengan peraturan dan undang-undang bersama. Pemerintah Singapura sangat ketat dalam menerapkan disiplin, semua agama dan etnik dijamin dapat melakukan aktiviti beragama dengan baik selama tidak mengganggu atau meresahkan warga lainnya.

Namun masalah timbul apabila LKY gagal untuk memahami makna sebenar “orang beragama” khususnya agama Islam. Isu ini sempat mengemparkan senario semasa khususnya negara jiran di Malaysia dan Indonesia. Secara spesifik, LKY bercakap dalam konteks pengurusan masyarakat majmuk dan usaha ke arah intergrasi di Singapura tetapi konteks Agnostiknya. Beliau menyatakan bahawa masalah integrasi di Singapura tidak akan wujud kecuali dengan umat Islam. Mereka diharap tidak terlalu kuat berpegang kepada ajaran Islam bagi membolehkan pelan integrasi masyarakat Singapura dapat dilaksanakan dengan sempurna.

*I would say today, we can integrate all religions and races except Islam ... I think Muslims socially do not cause any trouble, but they are distinct and separate. The generation that work with me – Othman Wok, Rahim Ishak – that was before the wave came sweeping back, sweeping the; that generation integrated well. (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

Dalam LKY-HTTKSG, LKY mengakui tentang kekuatan dan pengaruh Islam dalam keseluruhan cara hidup umatnya tetapi beliau gagal melihat bagaimana Islam boleh menyumbang dalam konteks pengurusan masyarakat majmuk. Ini satu cabaran yang perlu di sambut oleh umat Islam di Singapura. LKY melihat satu kekangan dalam usaha untuk menggagalkan kebersamaan dan perkongsian dikalangan masyarakatnya. Oleh yang demikian beliau berhujah,

---

<sup>19</sup> LKY sinis dengan pendapat Tunku Abdul Rahman yang menggunakan strategik memperbanyakkan surau dan masjid di kampung-kampung di Malaysia yang dianggapnya mengeksplotasi agama demi politik. LKY secara realistiknya menghujahkan kenapa tidak Tunku mengadakan lebih banyak klinik di kawasan-kawasan terpencil? Ini ada ditulis di LKY-HTTKSG.

*...But now you go to school with Malay dan Chinese, there's a halal and non-halal segment and so too, the universities. And they tend to sit separately, not to be contaminated. All that becomes a social divide. Now I'm not saying right or wrong, I'm saying that's the demands of the religion but the consequences are a veil and think it was design to be so. Islam is exclusive (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

## LEE KUAN YEW, KESINAMBUNGAN EKONOMI DAN MODAL INSAN

Singapura mengamalkan ekonomi pasaran yang cukup maju khususnya melibatkan perdagangan entrepot. Di samping Hong Kong, Korea Selatan dan Taiwan, Singapura ialah salah satu daripada 4 Harimau Asia. Ekonominya bergantung pada eksport dan barang import teknologi tinggi, terutamanya dalam bidang perkilangan (membentuk 26% KDNK), sektor elektronik, penapisan petroleum, kimia, kejuruteraan mekanik dan sains bio-perubatan. Singapura merupakan salah sebuah pelabuhan tersibuk di dunia dan pusat perdagangan tukaran asing keempat terbesar di dunia, di belakang London, New York dan Tokyo. Singapura dinilai oleh World Bank sebagai pusat logistik terunggul di dunia. Singapura diletakkan dalam senarai 10 ekonomi paling terbuka, kompetitif dan inovatif di dunia. Dinilai sebagai ekonomi yang paling mesra perniagaan di dunia (Asian One, 2007).

Namun demikian keajaiban ekonominya mengalami dilema tersendiri terkait dengan modal insan. Kependudukan Singapura mencatat peratusan warga luar negara keenam tertinggi di dunia. Kira-kira 42% penduduk Singapura adalah warga asing, dan warga asing mengisi 50% sektor perkhidmatan negara ini. Kebanyakan warga asing berasal dari China, Malaysia, Filipina, Amerika Utara, Timur Tengah, Eropah, Australia, Bangladesh dan India. Negara ini juga adalah yang kedua paling padat dengan penduduk di belakang Monaco (Julia Ng, 2007). Menurut statistik kerajaan, jumlah penduduk Singapura pada tahun 2009 adalah 4.99 juta, yang mana 3.2 juta adalah warganegara Singapura yang sebetulnya. Majoriti penduduk Singapura terdiri daripada kaum Cina iaitu 74.2% jumlah penduduk, diikuti Melayu 13.4%, India 9.2% dan Serani, Arab dan lain-lain 3.2% (Jabatan Statistik Singapura, 2009). Pada tahun 2009, jumlah kadar kesuburan Singapura adalah 1.22 anak per wanita (1.08 Cina, 1.14 India, 1.82 Melayu), ternyata jauh di bawah paras 2.10 yang diperlukan untuk menyilih gantikan penduduk secukupnya. Pada tahun 2008, 39,826 bayi dilahirkan di sini, berbanding sekitar 37,600 pada tahun 2005, namun bilangan itu tidak memadai untuk menampung pertumbuhan penduduk. Untuk mengatasi masalah ini, kerajaan menggalakkkan warga asing berhijrah ke Singapura. Keramaian penghijrah asing ini telah memastikan jumlah penduduk Singapura tidak merosot (Singapore Statistics, 2009).

Sebagai seorang yang realistik dan "kiasu," LKY tidak menerima hakikat di atas secara lahiriah. Beliau masih melontarkan idea-idea logik dan realistiknya berkenaan masalah-masalah di atas.

*Well, the weakness is that the top MNCs may not come and we get the second tier who will be defeated by the top MNCs which have gone to countries like Vietnam because it's cheaper and smarter.....What have we got to offer? Not cheaper labour or land, but higher quality infrastructure to justify the higher cost.....So we got to offer what we have that they cannot offer: stability, security, connectivity, good healthcare, schooling for children..... (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

Selagi Singapura menghasilkan rakyat mahir dan pekerja mahir (*good talent*) maka LKY berpendapat bahawa tidak perlu ada risau yang keterlaluan. Singapura harus menangani masalah ekonomi dan modal insannya dengan caranya tersendiri. Tidak boleh sama dengan mana-mana negara. Katanya "*I decided we had to be different...or we are finished!*" Formulanya ialah "gaji yang besar untuk pekerja yang mahir yang telah menghasilkan produk yang bagus."

*In the longer time, we are better off than Hong Kong because we have neighbors who are not likely to overtake us in the quality of their education, their workforce and the infrastructure (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

*We should grow as fast as we can sustain that growth. If we can make that growth and we choose not to, then we are stupid. Some Singaporeans do not understand what slow growth means. We get slow growth and we will have fewer jobs and lower pay, less this, less that, less everything ... If you can make the growth and you don't make it, there's something wrong with you (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

Dalam sesetengah keadaan LKY mengakui kelemahan semula jadi Singapura tanpa sedar. Ia berkaitan dengan persaingan pengeluar-pengeluar hebat dunia yang bukan sahaja ada kreativiti dan kemahiran tetapi juga saiz mereka yang besar seperti Finland (Nokia) dan Sweden (IKEA). Ini seperti mengulangi kekesalannya apabila Singapura dipisahkan daripada Persekutuan Malaysia yang beliau anggap sebagai "kawasan pedalaman" Singapura untuk memproses hasil mahsul serta menjana sumber yang lebih besar.

## LEE KUAN YEW DAN KONSEP NILAI ASIA

Tidak banyak yang diperkatakan oleh LKY tentang Nilai Asia di dalam buku LKY-HTTKSG ini sedangkan beliau merupakan pejuang gagah nilai-nilai Asia.<sup>20</sup> Ini kerana seluruh elemen dan nilai gaya Asia itu terpancar langsung dari setiap tindakan dan jawapan yang berterus terang dalam membicarakan semua aspek. LKY dalam hal ini selalu menyatakan bahawa beliau bukanlah seorang yang liberal ataupun terlalu

<sup>20</sup> Kajian, perbincangan dan seminar akademik formal membincangkan nilai Asia di kesan oleh penulis seawal tahun 1976 apabila Universiti Singapura mengadakan satu seminar bertajuk *Asian Values and Modernisation*. Sila rujuk: Seah Chee Meow. (ed.). (1977). *Asian Values & Modernisation*. Singapore: Singapore University Press Pte Ltd.

konservatif.<sup>21</sup> Beliau seorang realistik. Beliau berhadapan dalam pengurusan masyarakat majmuk yang kuat memegang nilai-nilai tradisi. Dalam konteks Singapura, nilai Konfusianisme<sup>22</sup> mendominasi sesuai dengan jumlah komposisi masyarakat Cinanya.

*I absorbed Confucianism at a lower level. I knew, I have to be respectful of my elders, be loyal to my family, what I should not do to my friends, that I should not denounce the government or the prince (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

Dalam meletakkan dirinya ditengah-tengah antara ideologi realistiknya dan perjuangannya terhadap budaya nilai Asia (Konfisius) beliau menyatakan,

*I am not bound by theorist, but my upbringing in a three-generation family made me an unconscious Confucianist. It seeps into you, the Confucianist belief that society works best where every man aims to be gentlemen (Tom Plate, 2010)*

Manakala Tom Plate dalam siri bukunya *Conversations with Mahathir Mohamed – Doctor M: Operation Malaysia* (2011) pula menyatakan,

Mahathir dan LKY masing-masing berani membuat keputusan yang memeritkan, bersenam setiap hari, berpegang kepada pandangan sosio-Darwinisme yang serupa, menerima dengan tangan yang terbuka pelaburan multinasional dari luar (ambil sentiasa mengawasi orang luar bagi helang mengamati mangsanya), mempertahankan nilai-nilai bangsa Asia dengan cekal dan berani, melihat faktor-faktor kebudayaan sebagai watak-watak utama sejarah, pendirian terbuka sukar diramal dari segi meningkatkan lagi saiz pengaruh negara (namun tidak percaya pasaran bebas dapat menyelesaikan semua masalah sosial

Seterusnya beliau menyamakan LKY seperti guru perempuan era silam meleteri anak murid, mengutamakan pendidikan, menjulang etika kerja tanpa henti dan penuh keringat, mengingatkan agar jangan mudah berpuas hati, sentiasa taat menghormati ibu bapa, berkahwin cuma sekali dan tidak pernah bercerai dan mengagumi pencapaian nasional Israel.

---

<sup>21</sup> Nilai Asia adalah merujuk kepada semua orang Asia tanpa mengira budaya, etnik, geografi, sejarah dan perbezaan agama tetapi berkongsi beberapa falsafah kehidupan yang sama. Asia adalah kumpulan yang menekankan kepada elemen spiritual dan kurang materialistik berbanding Barat. Dalam hubungan sesama manusia, terdapat kecenderungan mendalam untuk menilai moral seseorang berbanding status dan kuasanya. Nilai Asia menekankan sifat tolak ansur, tidak ganas, tidak militan, tidak agresif dalam konteks hubungan sesama manusia. Orang Asia juga selalu digambarkan sebagai sangat mencintai keamanan sesama manusia dan sanggup menyelesaikan konflik secara persetujuan bersama daripada berperang atau mengambil tindakan undang-undang (Seah & Ho, 1977).

<sup>22</sup> Tom Plat dalam bukunya *Conversation with Lee Kuan Yew Citizens Singapore : How To Build A Nation* (2010) ada menyatakan bahawa nilai-nilai Kofusianisme menyebabkan beliau tetap menjaga dan terus berbakti kepada bapanya hingga ke akhir hayat walaupun beliau tidak begitu menghormati bapanya yang panan baran (terutamanya bila kalah berjudi) dan membuatkan seluruh keluarga sedih terutama ibunya.

## KESIMPULAN

Setiap pemimpin mempunyai cabaran yang tersendiri. Walaupun Dr Mahathir Mohamed dengan sinis menyatakan bahawa LKY hakikatnya hanyalah seperti Datuk Bandar Singapura<sup>23</sup> namun Dr Mahathir juga turut berpendapat LKY sebagai seorang intelek dan tokoh politik luar biasa yang bukan sering ditemui. Tidak ada satu pengukuran yang jelas untuk menyatakan bahawa kepimpinan seseorang lebih mudah berbanding kepimpinan seseorang yang lainnya. Sebagai sebuah negara pulau kecil, LKY mempunyai cabarannya yang tersendiri khususnya yang melibatkan kesinambungan kewujudan Singapura itu sendiri. Mungkin yang membezakan LKY dengan pemimpin lain sehebatnya<sup>24</sup> ialah beliau kurang perlu memikirkkan hal-hal berkaitan keupayaan bangsa khususnya bangsa Cina yang menjadi majoriti di Singapura. Ini kerana kaum "Cina migrasi" ini mewarisi nilai-nilai bersama Konfusianisme seperti kekeluargaan, bermasyarakat, etika kerja tinggi, memandang tinggi kepada pendidikan dan ketaatan terhadap kuasa pemerintah. Keutamaan beliau lebih tertumpu kepada pemodenan Singapura dengan penghapusan cauvinisme bangsa serta mewujudkan suasana stabil, selamat, berdaya saing dalam pembangunan yang bermekanismakan globalisasi. Beliau juga berjaya membuktikan bahawa "bahasa jambatan bangsa." Singapura mampu disatukan dengan satu bahasa iaitu bahasa Inggeris tanpa pengabaian kepada bahasa leluhur masing-masing dengan pendekatan dwibahasanya yang unik.

Pelaksanaan undang-undang yang ketat, konsep sama-rata, birokrasi yang cekap dan berkesan, semi - demokrasi terpimpin, sentiasa bersemangat "kiasu," penekanan terhadap nilai-nilai Asia dan keutamaan dasar keselamatan merupakan antara identiti utama gaya pengurusan LKY dalam membentuk masyarakat majmuknya. Pemimpin "*authoritarian lembut*" ini menyatakan bahawa sudah tiada apa yang mahu dibuktikan lagi dalam hidupnya kecuali menggunakan kemahiran, pengalaman dan jaringan beliau membantu Singapura terus maju ke hadapan dan menjadi "seluas" yang mungkin. Sebagai seorang yang realistik, pragmatik dan "*Father Know Best,*" LKY sangat risaukan masa depan Singapura yang bersifat "terkepung" dan sangat *frigile* (rapuh).<sup>25</sup> Generasi muda harus sentiasa mempertahankan apa yang telah mereka perolehi. Demokrasi harus terkawal dan pandai di kawal. Tidak wujud istilah demokrasi liberal di rantau Asia. Bugarkan kembali nilai-nilai postif Asia. Pengajaran akhir yang boleh diperolehi dari Singapura ialah;- Jika kita inginkan sebuah masyarakat berbilang kaum yang

---

<sup>23</sup> Sila baca lebih lanjut Tom, P. (2012). *Dr M: Operasi Malaysia Wawancara dengan Mahathir Mohamad (Edisi Bahasa Melayu oleh Afdhal Lutfi Abd Latif)*. Singapura: Marshall Cavendish.

<sup>24</sup> Dr Mahathir (Malaysia) dan Presiden Suharto (Indonesia).

<sup>25</sup> Dalam satu wawancara bersama Tom Plate (2012) beliau menyatakan rasa risaunya bahawa golongan "ultra" (muslim radikal) akan dapat mengambil alih kuasa di Malaysia dan selepas itu Malaysia akan menakluk Singapura.

harmoni maka hak-hak rakyat untuk kebebasan bersuara sepenuhnya mungkin tidak boleh wujud dan LKY telah membuktikannya.

*“Singapore is my concern till at the end of my life” (LKY, 2012)*

## **RUJUKAN**

- Han Foo Kwang & Rakan (2011). *Lee Kuan Yew - Hard Truth To Keep Singapore Going*. Singapura: Straits Times Press.
- Huntington, S. P. (1996). *The Clash of Civilisations and the Remaking of World Order*. New York: Simon & Schuster.
- Huntington, S. P. (2008). *Pertembungan Tamadun dan Pembentukan Semula Order Baru* (Mokhtar Ahmad, Terjemahan). Selangor: Dawama Sdn. Bhd
- Julia Ng. (2007) *Singapore's birth trend outlook remains dismal*, *Channel News Asia*, 7 Februari 2007. Dicapai pada 22 April 2010.
- Kamsiah Abdullah. (1994). *Kedwibahasaan, prestasi akademik, dan penguasaan Bahasa Melayu di kalangan penuntut Melayu di Singapura*. Singapura: Angkatan Sasterawan 50.
- Lee, K.Y. (1998). *The Singapore Story*. Singapore: Times Editions Pte Ltd
- Lee, K. Y. (2000). *From Third World To First - The Singapore Story: 1965-2000*. Singapore: Marshall Cavendish.
- Mahathir, M. (1999). *Kebangkitan Semula Asia*. Kelana Jaya: Pelanduk Publication.
- Mohd Rasdi. (2005) *Sistem Pendidikan Dwibahasa di Negara-Negara ASEAN*. Dicapai dari  
<http://jpmipgmtaa.webs.com/Penulisan/Microsoft%20Word%20%20Sistem%20Pendidikan%20Dwibahasa.pdf>.
- Ronald W. (2005) *Agnosticism*. *The Encyclopedia of Philosophy* Volume 1. MacMillan Reference USA (Gale).
- Seah, C. M. (ed.). (1977). *Asian Values and Modernisation*. Singapore University Press.
- Population Trends. (2009), *Singapore Department of Statistics*. ISSN 1793-2424
- Singapore releases 2010 population in Brief Report* (2010) , Dicapai pada 23 Jun 2010 dari pada [govmonitor.com](http://govmonitor.com).
- Tom, P. (2012). *Dr M: Operasi Malaysia Wawancara dengan Mahathir Mohamad (Edisi Bahasa Melayu ole Afdhal Lutfi Abd Latif)*. Singapura: Marshall Cavendish.
- Tom, P. (2011). *Conversations with Mahathir Mohamed – Doctor M: Operation Malaysia*. Singapura: Marshall Cavendish.
- Tom, P. (2010). *Conversations with Lee Kuan Yew. Citizen Singapore: How To Build A Nation*. Singapura: Marshall Cavendish.